

Perjanjian Pemegang Kad

Perjanjian kad kredit ini ("Perjanjian ini") mengawal pengendalian Akaun Kad dan penggunaan Kad di bawah Akaun Kad. Anda perlu membaca dan memahami Perjanjian ini.

Pemegang Kad diperingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat Perjanjian ini. Pemegang Kad dinasihatkan untuk mendapatkan khidmat nasihat guaman bebas. Jika Pemegang Kad tidak memahami mana- mana terma dan syarat yang terkandung, sila dapatkan pengesahan daripada wakil/kakitangan sah kami.

Persetujuan terhadap terma Perjanjian ini

AmBank Islamic Berhad 199401009897 (295576-U) ("Bank") ialah penyedia Kad. Penggunaan Kad oleh Pemegang Kad berasaskan Konsep Syariah Ujrah dan kontrak Syariah Qard. Anda menerima tawaran Bank untuk menyediakan kemudahan kad kredit berasaskan terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini apabila kali pertama menggunakan Kad anda.

Definisi

"Perkhidmatan 3D Secure"	perkhidmatan pengesahan dalam talian bagi Visa dan/atau Mastercard® untuk memastikan keselamatan urus niaga dalam talian di laman pedagang dalam talian 3D Secure turut serta yang memaparkan logo "VERIFIED by Visa (VbV)" dan atau logo "Mastercard SecureCode".
"Pusat Hubungan AmBank"	Pusat panggilan Perkhidmatan Pelanggan AmBank, yang boleh dihubungi menerusi kaedah hubungan seperti yang ditetapkan dalam perenggan 11 Perjanjian ini.
"Kumpulan AmBank"	AMMB Holdings Berhad (No. Pendaftaran Syarikat 199101012723) dan syarikat dalam kumpulannya dan termasuk semua anak syarikat langsung dan tidak langsung dan syarikat sekutu di bawah syarikat pegangan Bank.
"ATM"	Mesin Teler Automatik Bank atau mana-mana anak syarikat Kumpulan AmBank atau Bank Ahli Mastercard/Visa.
"Hari Perniagaan"	hari di mana Bank dibuka untuk perniagaan tidak termasuk cuti umum.
"Buletin Pembatalan"	senarai nombor Kad dan Akaun Kad tidak sah yang dibatalkan oleh Bank atau Bank Ahli Mastercard/Visa.
"Kad"	kad kredit Mastercard atau Visa yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad pada bila-bila masa atau kepada Pemegang Kad Tambahan di bawah Perjanjian ini.
"Pemegang Kad"	seseorang yang mana Akaun Kad telah dibuka di atas namanya dan jika berkenaan, turut bermaksud Pemegang Kad Tambahan.
"Akaun Kad"	akaun yang disenggarakan oleh Bank untuk menyediakan kemudahan kredit yang digunakan oleh Kad berhubung dengan kemudahan kad kredit dan tertakluk kepada Had Kredit.
"Nombor Kad"	nombor 16 angka yang dicetak timbul pada Kad. Nombor ini mungkin berbeza atas beberapa sebab termasuk (tetapi tidak terhad kepada) penggantian kad, perubahan produk kad dan keperluan sistem.
"Penyata Kad"	penyata akaun bulanan yang dikeluarkan oleh Bank yang mencatatkan yuran dan caj urus niaga runcit dan lain yang ditanggung oleh Pemegang Kad menggunakan Kad.
"Tarikh Penyata Kad"	tarikh di mana Bank mengeluarkan Penyata Kad.
"Pendahuluan Tunai"	pengeluaran tunai yang boleh dibuat daripada Akaun Kad sama ada menerusi ATM atau menerusi kaunter di cawangan Bank yang ditetapkan (atau anak syarikat Kumpulan AmBank) atau cawangan Bank Ahli Mastercard/Visa yang turut serta.
"Had Kredit"	had perbelanjaan yang ditetapkan oleh Bank berkaitan dengan kemudahan kredit di bawah Akaun Kad.
"Barangan dan Perkhidmatan Halal"	barangan dan perkhidmatan yang halal atau dibenarkan menurut Syariah (undang-undang Islam)
"Yuran Pengurusan"	yuran pengurusan yang akan dikenakan kepada Pemegang Kad berhubung dengan transaksi Kad seperti yang ditetapkan dalam Jadual Bayaran dan Caj di Lampiran 1 Perjanjian ini.
"Tempoh Tanpa Yuran Pengurusan"	tempoh dalam sebulan di mana tiada yuran pengurusan akan dikenakan ke atas urus niaga runcit (selain daripada Pendahuluan Tunai) selama dua puluh (20) hari kalendar antara Tarikh Penyata dan Tarikh Matang Pembayaran, dengan syarat bahawa baki tertunggak Pemegang Kad pada bulan sebelumnya telah dijelaskan sepenuhnya.
"Mastercard"	Mastercard International Incorporated, sebuah syarikat yang ditubuhkan di Delaware, dengan alamat utama di 2000 Purchase Street, Purchase, NY 10577-2509, Amerika Syarikat (dan termasuk pengganti hak milik dan penerima serah haknya) yang mana Bank merupakan ahli utama.
"Bank Ahli Mastercard"	institusi kewangan yang menjadi ahli Mastercard.
"Pedagang"	syarikat perniagaan atau peruncit yang menerima Kad sebagai satu bentuk bayaran bagi barangan dan/atau perkhidmatan dan bayaran tersebut akan dicajkan kepada Akaun Kad.
"Pembayaran Bulanan Minimum"	jumlah minimum yang perlu dibayar dinyatakan secara bulanan dalam Penyata Kad dan jumlah ini perlu dibayar oleh Pemegang Kad selewat-lewatnya pada Tarikh Matang Pembayaran, jumlah seperti dinyatakan dalam Lampiran 1 Perjanjian ini.
"Jumlah Minimum Perlu Dibayar"	jumlah minimum yang perlu dibayar dinyatakan secara bulanan dalam Penyata Kad dan jumlah ini perlu dibayar oleh Pemegang Kad selewat-lewatnya pada Tarikh Matang Pembayaran, iaitu: <ul style="list-style-type: none"> i. 5% daripada keseluruhan baki tertunggak* (jika ada); <ul style="list-style-type: none"> *baki tertunggak merujuk kepada transaksi runcit (jika ada) Pendahuluan Tunai (jika ada) + Yuran Pengurusan dan lain-lain yuran (jika ada) ii. Cukai dan 100% Cukai Perkhidmatan Kad (jika ada); iii. 100% Ansuran Bulanan (jika ada) (termasuk ansuran bulanan untuk Tukaran Baki Automatik, Pemindahan Baki, QuickCash, Pelan Pembayaran Flexi, Pelan Pembayaran Mudah dan pelan-pelan ansuran lain yang ada dari semasa ke semasa); iv. 100% amaun lewat bayar (jika ada); v. 100% untuk semua amaun yang melebihi had (merujuk kepada amaun yang melebihi Had Kredit yang ditentukan atau Had Kredit yang diberikan); ATAU minimum RMS0, yang mana lebih tinggi.
"Barang dan Perkhidmatan Tak Halal"	barangan dan perkhidmatan yang haram atau tidak dibenarkan di bawah Syariah (undang-undang Islam) seperti arak, judi, khinzir, kegiatan tak patuh Syariah dan lain-lain.
"Rakan Niaga"	sebuah entiti perniagaan atau syarikat yang menjadi rakan niaga Bank untuk menawarkan atau menyediakan program bagi Pemegang Kad.
"Tarikh Matang Pembayaran"	Tarikh di mana Pemegang Kad perlu membayar jumlah keseluruhan yang dihutang atau Pembayaran Bulanan Minimum, iaitu dua puluh (20) hari kalendar dari Tarikh Penyata Kad. Tarikh Matang Pembayaran boleh diubah pada bila-bila masa atas budi bicara Bank dengan memberikan notis terlebih dahulu dan sebarang perubahan akan berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Bank.
"PIN"	Nombor Pengenal Peribadi sekurang-kurangnya 6 angka panjang, yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad dan Pemegang Kad Tambahan masing-masing.
"Tarikh Catatan"	Tarikh di mana urus niaga dicatatkan dalam Akaun Kad Pemegang Kad.
"Kad Utama"	Kad yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad Utama.
"Pemegang Kad Utama"	orang yang memohon sebagai pemohon utama dan telah diluluskan untuk memegang Kad Utama.
"Qard"	Prinsip Syariah yang merujuk kepada kontrak pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam dikehendaki membayar semula jumlah yang sama kepada pemberi pinjaman.
"Kad Tambahan"	kad yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad Tambahan.
"Pemegang Kad Tambahan"	mana-mana orang yang dinamakan oleh Pemegang Kad Utama untuk memegang satu lagi kad atau Kad Tambahan di bawah Akaun Kad.

“Ujrah”	Prinsip Syariah yang merujuk kepada yuran ke atas perkhidmatan. Di bawah konsep Ujrah, Bank akan menyediakan perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang dikenal pasti kepada Pemegang Kad berhubung dengan kemudahan kad kredit sebagai balasan kepada yuran yang dibayar. Yuran, manfaat dan keistimewaan ini akan ditentukan oleh Bank.
“Visa”	Visa International Service Association yang beralamat di Peti Surat 8999, San Francisco, CA 94128-8999, Amerika Syarikat (dan termasuk pengganti hak milik dan penerima serah haknya) yang mana Bank merupakan ahli utamanya.
“Bank Ahli Visa”	institusi kewangan yang merupakan ahli Visa.

Perkataan yang mewakili bentuk mufrad juga mewakili bentuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Perkataan yang merujuk kepada orang juga merujuk kepada perkongsian, firma atau syarikat.

Tajuk terma dan syarat di dalam ini hendaklah tidak dianggap sebahagian daripada atau diambil kira dalam pentafsiran atau pentakrifan terma dan syarat ini.

Untuk tujuan mengira sebarang tempoh masa di mana sesuatu tindakan perlu diambil dalam masa tertentu dari tarikh yang ditetapkan, tempoh ini termasuk dan masa akan mula dikira dari tarikh yang ditetapkan.

1A. Aplikasi prinsip-prinsip Syariah

1A.1. Konsep Syariah Ujrah

- (a) Bank, dengan memberikan kemudahan kad kredit kepada Pemegang Kad, juga menyediakan perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan tertentu berkaitan Kad, untuk dinikmati oleh Pemegang Kad.
- (b) Ini termasuklah program-program yang merangkumi ganjaran, tawaran dan promosi yang melibatkan Pedagang dan Rakan Niaga Bank. Dengan Kad, Pemegang Kad boleh menikmati manfaat dan keistimewaan untuk melengkapkan dan meningkatkan setiap aspek kehidupan Pemegang Kad. Bergantung kepada jenis Kad yang dipilih, Pemegang Kad akan menerima pelbagai jenis manfaat yang unik dari segi program ganjaran dan/atau rebat, akses ke bilik istirahat lapangan terbang, perlindungan takaful perjalanan dan perkhidmatan tambah nilai yang lain. Untuk maklumat lanjut, Pemegang Kad boleh merujuk kepada laman sesawang Bank. Senarai ini walaubagaimanapun adalah tidak menyeluruh dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.
- (c) Bank berhak untuk mengenakan Ujrah kepada Pemegang Kad sebagai imbalan kepada perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan berkaitan Kad yang disediakan kepada Pemegang Kad di mana jumlah Ujrah ini boleh dikenakan sehingga Yuran Pengurusan Tetap (seperti yang dinyatakan dalam Jadual Bayaran dan Caj di Lampiran 1 Perjanjian ini), dan bila mana terpakai, yuran tahunan juga boleh dikenakan.
- (d) Bank juga boleh mengenakan yuran bagi perkhidmatan-perkhidmatan tambahan yang disediakan oleh Bank seperti permintaan Penyata Kad tambahan dan sebagainya.

1A.2. Kontrak Syariah Qard

- (a) Bank akan menyediakan Had Kredit kepada Pemegang Kad berasaskan kontrak Syariah Qard. Had Kredit ini boleh digunakan oleh Pemegang Kad menurut terma-terma Perjanjian ini. Ini dianggap sebagai tawaran daripada Bank untuk menyediakan Qard kepada Pemegang Kad.
- (b) Sekiranya terdapat penggunaan yang melebihi Had Kredit menurut terma Perjanjian ini, kelebihan penggunaan tersebut juga tertakluk kepada kontrak Syariah Qard. Setiap kali Pemegang Kad menggunakan Had Kredit tersebut akan dianggap sebagai penerimaan daripada Pemegang Kad terhadap Qard yang ditawarkan oleh Bank.
- (c) Pemegang Kad dengan ini membenarkan Bank untuk membayar atau mengeluarkan Qard yang diambil yang bersamaan dengan amaun yang digunakan oleh Pemegang Kad atau had lebihan kepada Pedagang, Pemegang Kad atau mana-mana pihak ketiga yang dikenali pasti bergantung kepada kaedah penggunaan Kad.
- (d) Pemegang Kad dikehendaki untuk membayar Qard atau amaun yang digunakan menurut terma-terma Perjanjian ini.
- (e) Bank berhak untuk mengenakan kos langsung yang berkaitan dengan pemberian Qard dalam jumlah yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini atau yang disiarkan di dalam laman sesawang Bank.

1. Had Kredit

1.1. Had Kredit di bawah Akaun Kad

- (a) Tiada apa di dalam ini yang mengehendakkan Pemegang Kad, dan Pemegang Kad hendaklah dan akan tetap bertanggungjawab terhadap semua urusan niaga yang dilaksanakan menerusi penggunaan Akaun Kad yang telah mengatasi Had Kredit, kecuali bagi urusan niaga yang ditanggung daripada penggunaan Kad yang tidak sah, di mana liabiliti Pemegang Kad daripada penggunaan tidak sah ditetapkan dalam Fasal 7.3 (d) dan juga dengan syarat bahawa Pemegang Kad juga tidak mengambil bahagian dalam sebarang tindakan penipuan atau penyalahgunaan Kad.
- (b) Tertakluk kepada dokumen pendapatan dan kelulusan, seseorang Pemegang Kad Utama boleh meminta Bank untuk meningkatkan atau mengurangkan Had Kredit pada bila-bila masa tetapi Bank tidak berkewajipan untuk bersetuju dengan permintaan tersebut.
- (c) Bank boleh meminda Had Kredit atas budi bicara Bank dan memaklumkan Pemegang Kad tentang pindaan menerusi sebarang kaedah komunikasi. Bagaimanapun, sebarang peningkatan Had Kredit oleh Bank berasaskan pindaan tersebut hanya dilaksanakan sekiranya Pemegang Kad menerima peningkatan tersebut.

1.2. Perkhidmatan Had Lebihan

- (a) Pemegang Kad hendaklah memaklumkan Bank sekiranya Pemegang Kad membuat keputusan untuk berbelanja melebihi Had Kredit.
- (b) Jika Bank bersetuju terhadap permintaan Pemegang Kad di bawah **Fasal 1.2(a)** di atas, Bank hendaklah menyediakan perkhidmatan untuk menyelaraskan sebarang urusan niaga yang dibuat melebihi Had Kredit sehingga had yang ditetapkan oleh Bank dan dimaklumkan kepada Pemegang Kad. Untuk mengelakkan keraguan, kemudahan kewangan sementara yang diberikan kepada Pemegang Kad ini tidak harus dianggap sebagai peningkatan kekal had kredit Pemegang Kad. Yuran Had Lebihan bagi perkhidmatan akan dikenakan dalam peningkatan sementara Had Kredit menurut **Fasal 5**.
- (c) Jika Pemegang Kad membuat keputusan untuk berbelanja di bawah Had Kredit, sebarang urusan niaga melebihi Had Kredit akan ditolak kecuali bagi yang berikut:
 - i. Urusan niaga pemprosesan gantian, yang melibatkan pengesahan rangkaian pembayaran (Mastercard/Visa) yang perlu dilaksanakan apabila pemproses pengesahan Bank tidak dapat digunakan.
 - ii. Yuran pengurusan, yuran dan caj yang dikenakan oleh Bank.
 - iii. Urusan niaga auto-debit.
 Bagi perkara (iii) di atas, Yuran Had Lebihan akan dikenakan.
- (d) Selain daripada Had Kredit, Bank boleh mengenakan had pengeluaran tunai bagi sebarang Pendahuluan Tunai seperti yang dinyatakan di bawah **Fasal 3**, yang mungkin tertakluk kepada perubahan dari masa ke masa oleh Bank.

2. Penggunaan Akaun Kad dan Kad

2.1. Bagaimana Akaun Kad dan Kad patut digunakan

- (a) Kad adalah hak milik Bank dan mesti dipulangkan kepada Bank atas permintaan Bank.
- (b) Pemegang Kad hendaklah menurunkan tandatangan dengan serta-merta di belakang Kad selepas menerima Kad.
- (c) Pemegang Kad tidak boleh menggunakan Kad atau Akaun Kad untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang atau melibatkan penipuan atau membenarkan sesiapa sahaja untuk berbuat demikian. Jika Pemegang Kad berbuat demikian, Pemegang Kad bertanggungjawab terhadap penggunaan tersebut dan mungkin dikehendaki membayar balik Bank dan/atau Mastercard/Visa, bagi semua jumlah yang ditanggung oleh Bank dan/atau Mastercard/Visa disebabkan penggunaan tersebut.
- (d) Pemegang Kad hendaklah menggunakan Kad hanya untuk membuat bayaran pembelian runcit bagi Barangan dan Perkhidmatan Halal dan bukan selainnya. Pemegang Kad bersetuju bahawa keputusan Bank dan/atau Jawatankuasa Syariah tentang sama ada barangan atau perkhidmatan tersebut Halal adalah muktamad untuk tujuan Perjanjian ini. Senarai Pedagang di mana penggunaan Kad akan disekat boleh didapati di dalam Lembaran Penyataan Produk.
- (e) Walau apa pun yang terkandung dalam (c) dan (d) di atas, Pemegang Kad tetap bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjelaskan kepada Bank jumlah yang perlu dibayar bagi urusan niaga yang terbabit, jika ada, dan perenggan (c) dan (d) di atas tidak akan digunakan sebagai alasan untuk tidak membayar Bank.
- (f) Kad hanya boleh digunakan oleh Pemegang Kad. Perjanjian ini hendaklah berkuat kuasa ke atas Pemegang Kad Tambahan melainkan dinyatakan secara khusus dalam Perjanjian ini. Pengeluaran kad kepada Pemegang Kad Tambahan adalah atas budi bicara Bank.
- (g) Pemegang Kad Tambahan tidak boleh meminta Bank untuk meningkatkan Had Kredit atau menamakan orang lain untuk menerima kad tambahan di bawah Akaun Kad.
- (h) Pemegang Kad akan diberikan PIN menerusi mana-mana cara yang akan diatur oleh Bank secara terus dengan Pemegang Kad untuk tujuan membolehkan urusan niaga dijalankan dengan Kad di mana-mana pembaca/terminal elektronik, ATM atau kemudahan lain yang memerlukan penggunaan PIN. Pemegang Kad perlu menukar PIN di mana-mana ATM AmBank sebelum urusan niaga pertama yang memerlukan penggunaan PIN.
- (i) Pemegang Kad hendaklah mematuhi dan terikat kepada semua arahan yang terkandung dalam pemberitahuan/surat makluman PIN yang disertakan bersama PIN, dan mempunyai pilihan untuk menukar atau memilih PIN pada bila-bila masa menerusi ATM Bank atau mana-mana kaedah yang ditetapkan seperti yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

- (j) Jika diminta untuk memasukkan PIN semasa menggunakan Kad untuk membeli, Pemegang Kad hendaklah memasukkan PIN, jika tidak urus niaga tersebut boleh ditolak. Jika PIN tidak disediakan semasa pembelian dengan Kad pada mana-mana pembaca/terminal, dan urus niaga diluluskan atau disempurnakan, tandatangan Pemegang Kad diperlukan oleh Pedagang yang mengendalikan pembaca/terminal.
- (k) Pemegang Kad boleh menghubungi Bank untuk mendapatkan atau memilih PIN baru jika Pemegang Kad terlupa PIN atau jika Pemegang Kad memasukkan PIN salah yang mengakibatkan PIN disekat.
- (l) Pemegang Kad Utama bertanggungjawab terhadap semua urus niaga, caj, yuran, yuran pengurusan, caj lewat bayar dan kos dan perbelanjaan berkaitan lain yang ditanggung dengan menggunakan Kad dan/atau Kad Tambahan dan didebitkan daripada Akaun Kad. Bagaimanapun, Pemegang Kad Tambahan bertanggungjawab terhadap caj yang dikenakan terhadapnya.

2.2. Penerimaan Kad

- (a) Kad lazimnya diterima oleh institusi kewangan dan Pedagang yang memaparkan simbol kad kredit yang berkenaan dan diterima di mesin ATM dan cawangan perniagaan yang ditetapkan sebagai kaedah pembayaran.
- (b) Bank tidak menanggung sebarang liabiliti:
 - i. jika mana-mana Pedagang mengubah harga bagi barangan dan perkhidmatan sama yang dibeli dengan Kad;
 - ii. jika mana-mana institusi kewangan atau Pedagang yang memaparkan simbol kad kredit enggan menerima atau membenarkan penggunaan Kad; dan
 - iii. terhadap mana-mana barangan dan/atau perkhidmatan yang dibeli dengan Kad.Untuk mengelakkan keraguan, sebarang tuntutan dan/atau pertikaian yang wujud antara Pemegang Kad dengan institusi kewangan atau Pedagang tidak akan melepaskan Pemegang Kad daripada tanggungan untuk membayar sebarang jumlah yang dihutang (selain daripada jumlah yang dipertikaikan sambal menantikan keputusan penyiasatan bagi pertikaian tersebut). Pemegang Kad mungkin dikehendaki membuat bayaran berasaskan keputusan penyiasatan. Tambahan lagi, Pemegang Kad berjanji untuk tidak melibatkan Bank dalam sebarang tuntutan dan/atau pertikaian atau prosiding undang-undang terhadap institusi kewangan atau Pedagang tersebut.
- (c) Sebarang aduan tentang barangan atau perkhidmatan yang dibeli dengan Kad mesti diselesaikan secara terus dengan Pedagang yang terbabit.
- (d) Di samping syarat Perjanjian ini, penggunaan Kad bagi urus niaga ATM tertakluk kepada terma dan syarat yang mengawal urus niaga ATM Bank dan/atau institusi kewangan ahli Mastercard/Visa.

2.3. Menggunakan Kad di luar Malaysia

- (a) Pemegang Kad digalakkan untuk memaklumkan Bank tentang hasratnya untuk pergi ke luar negara untuk mengelakkan gangguan kepada penggunaan kad
- (b) Di samping syarat Perjanjian ini dan undang-undang dan peraturan Malaysia yang berkenaan, semua urus niaga, termasuk pendahuluan tunai adalah tertakluk kepada undang-undang tempatan negara asing yang perlu dipatuhi.
- (c) Semua caj, pembelian dan pendahuluan tunai akan ditukarkan daripada mata wang di mana urus niaga diproses oleh Mastercard/Visa pada kadar tukaran seperti yang ditentukan oleh Mastercard/Visa semata-mata atas budi bicara sebelum Akaun Kad didebitkan dalam Ringgit Malaysia. Kadar tukaran mungkin berbeza daripada kadar harian yang disiarkan disebabkan turun naik pasaran.
- (d) Sekiranya PIN tidak digunakan atau tidak dapat dilaksanakan untuk urus niaga luar negara, tandatangan Pemegang Kad diperlukan oleh Pedagang di pembaca/terminal yang dikendalikan.

2.4. Tempoh sah dan tarikh luput kad

- (a) Kad hanya boleh digunakan sehingga tarikh "valid thru" (sah sehingga) yang dipaparkan pada Kad. Pemegang Kad hendaklah memastikan bahawa sebaik sahaja Kad luput tidak boleh digunakan, kad dimusnahkan dengan memotong kad kepada dua bahagian merentasi cip.

2.5. Pembaharuan Kad

- (a) Tertakluk kepada **Fasal 8**, Pemegang Kad dengan ini memberi kebenaran kepada Bank untuk memperbaharui tempoh sah Kad yang luput bagi pihak Pemegang Kad untuk tujuan kesinambungan. Pembaharuan Kad akan dipaparkan menerusi tarikh "valid thru" baru pada Kad.
- (b) Kad boleh diperbaharui oleh Bank apabila Kad digantikan akibat kehilangan, kecurian, kerosakan atau sebab lain atau apabila Kad baru dikeluarkan semula.
- (c) Bank berhak atas budi bicaranya untuk menggantikan atau mengeluarkan semula Kad pada bila-bila masa. Sebarang penggantian atau pengeluaran semula Kad adalah tertakluk kepada mana-mana perubahan lain yang dikenakan oleh Bank ke atas Kad atau di bawah Perjanjian ini selain daripada pembaharuan, termasuk dan tidak terhad kepada perubahan reka bentuk, penambahbaikan atau naik taraf atau turun taraf Kad. Bank boleh menggantung penggunaan Kad dengan memberikan notis sekiranya Kad perlu digantikan akibat kehilangan, kecurian, kerosakan atau sebab lain.
- (d) Sebarang penggantian atau pengeluaran semula Kad mungkin melibatkan pengambilan balik atau penyimpanan Kad asal oleh Bank menerusi sebarang cara yang wajar (melainkan tidak dapat diperolehi akibat kehilangan atau kecurian). Sebarang penggantian atau pengeluaran semula Kad tidak harus dianggap sebagai penamatan Perjanjian ini atau penutupan Akaun Kad.

3. Urus niaga yang dibuat menerusi Kad

3.1. Urus niaga dengan Akaun Kad

- (a) Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank boleh mendebitkan Akaun Kad bagi semua urus niaga yang dibuat atau dibenarkan oleh Pemegang Kad dalam mana-mana cara yang berikut:
 - i. apabila Kad digunakan dengan atau tanpa PIN menerusi peralatan elektronik;
 - ii. apabila Kad diserahkan kepada Pedagang untuk diletakkan atau dimasukkan pada pembaca/terminal atau bagi Kad dengan ciri "PayPass" or "payWave", dengan mengenakan atau melambatkan Kad di pembaca/terminal tanpa sentuhan ("Pemrosesan Urus Niaga Tanpa Sentuhan");
 - iii. apabila butiran tentang Akaun Kad atau Kad disediakan kepada Pedagang atau mana-mana pihak lain yang mana bayaran dibuat kepadanya, secara langsung atau menerusi pihak ketiga, dengan cara yang boleh diterima oleh Bank, sebagai contoh melalui telefon atau dalam talian; atau
 - iv. apabila dana dipindahkan secara elektronik menggunakan khidmat perbankan Internet, perbankan telefon atau perbankan mudah alih Bank.
- (b) Bagi perkara (ii), Pemrosesan Urus Niaga Tanpa Sentuhan membolehkan urus niaga diproses tanpa memerlukan Kad diletakkan di pembaca jalur magnetik atau pembaca cip. Tertakluk kepada urus niaga pembelian sehingga RM250 atau sebarang jumlah had yang dibenarkan atau yang mungkin ditetapkan oleh Mastercard/Visa dari masa ke masa untuk urus niaga tempatan atau luar negara, sebarang pembelian yang dibuat menerusi Pemrosesan Urus Niaga Tanpa Sentuhan mungkin tidak memerlukan PIN dan/atau tandatangan Pemegang Kad untuk mengesahkan urus niaga. Untuk mengelakkan keraguan, Pemegang Kad memahami dan memperakui kemudahan penggunaan Kad untuk pembelian yang melibatkan Pemrosesan Urus Niaga Tanpa Sentuhan dan menerima risiko yang dikaitkan dengannya. Walau apa pun yang dinyatakan dalam perenggan (a) di atas, Pemegang Kad hendaklah berjanji untuk bertanggungjawab terhadap semua urus niaga yang dibuat di bawah Pemrosesan Urus Niaga Tanpa Sentuhan tidak kira sama ada urus niaga tersebut dibenarkan atau tidak oleh Pemegang Kad.

3.2. Pendahuluan Tunai

- (a) Apabila urus niaga yang dibenarkan oleh Pemegang Kad adalah untuk Pendahuluan Tunai, Pemegang Kad juga mungkin dikenakan:
 - i. Yuran Pendahuluan Tunai di bawah **Fasal 5**.
 - ii. Had Kredit dan/atau Pendahuluan Tunai yang ditetapkan oleh Bank dan/atau had pengeluaran harian menerusi ATM atau menerusi kaunter yang ditetapkan oleh Bank atau Bank Ahli Mastercard/Visa, mengikut keadaan.
Di mana berkenaan, kemudahan Pendahuluan Tunai boleh disediakan kepada Pemegang Kad di Malaysia, atau negara lain (yang diluluskan dari semasa ke samasa).
- (b) Bank berhak untuk menentukan jumlah tunai yang boleh dikeluarkan di bawah Pendahuluan Tunai (jumlah yang mungkin lebih rendah daripada Had Kredit) atau menukar had Pendahuluan Tunai yang ditetapkan olehnya dari semasa ke samasa atas budi bicaranya.

3.3. Recurring transactions and other standing instructions

- (a) Tertakluk kepada Fasal 3.1, bagi sebarang urus niaga yang dibenarkan oleh Pemegang Kad di bawah pembayaran berulang atau arahan tetap (berjadual atau selainnya) menerusi sebarang langganan saluran pengebilan atau pengaturan pembayaran antara Pemegang Kad dan Pedagang, Bank hendaklah mendebitkan Akaun Kad dengan sewajarnya dan hendaklah terus berbuat demikian selagi pembayaran berulang atau arahan tetap dibuat.
- (b) Bank hendaklah terus mendebitkan Akaun Kad di bawah pembayaran berulang atau arahan tetap menurut perenggan (a) di atas walaupun nombor atau tarikh luput Kad ditukar kerana Kad digantikan atau dikeluarkan semula (sama ada akibat pembaharuan, naik taraf dan/atau turun taraf Kad dan/atau apa jua sebab sekalipun).
- (c) Pemegang Kad selanjutnya bersetuju bahawa sebarang penggantian atau pengeluaran semula Kad hendaklah tidak dianggap sebagai pembatalan pembayaran berulang atau arahan tetap dan/atau penamatan langganan saluran pengebilan Pemegang Kad atau pengaturan pembayaran dengan Pedagang sehingga pembatalan dan/atau penamatan dibuat secara terus oleh Pemegang Kad dengan Pedagang berkenaan.
- (d) Walau apa pun hak Bank dalam perenggan (b) di atas, Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab untuk mengemaskinikan butiran Kad di bawah langganan saluran pengebilan atau perjanjian pembayaran Pemegang Kad dengan mana-mana Pedagang sekiranya berlaku penggantian atau pengeluaran semula Kad dan/atau sebarang caj yang berkenaan dengan Kad.

3.4. Urus niaga dalam talian

- (a) Pemegang Kad dikehendaki memasukkan Kod Pengesahan Urus Niaga ("TAC") untuk menjalankan urus niaga dalam talian di pedagang 3D Secure yang turut serta.
- (b) TAC yang dikeluarkan adalah sulit sepenuhnya dan Pemegang Kad tidak harus mendedahkan TAC kepada sesiapa pun dalam apa jua keadaan atau dengan sebarang cara lain sekalipun. Pemegang Kad bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua urus niaga dalam talian yang dilaksanakan dengan penggunaan TAC.
- (c) TAC akan dihantar menerusi Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("SMS") ke talian mudah alih Pemegang Kad yang didaftarkan dengan Bank. Pemegang Kad hanya akan menerima TAC menerusi SMS apabila di luar Malaysia jika telefon bimbit Pemegang Kad berada dalam mod perantauan dan kos yang dikenakan oleh syarikat telekomunikasi akan ditanggung oleh Pemegang Kad.
- (d) Sekiranya Pemegang Kad tidak menerima TAC disebabkan kerosakan, kegagalan capaian atau kegagalan sistem talian mudah alih berdaftar (termasuk tetapi tidak terhad kepada sistem Bank atau pihak ketiga, sebarang kegagalan atau kerosakan elektronik, mekanikal, sistem, virus komputer, pepijat atau masalah berkaitan kerosakan sistem operasi, kegagalan rangkaian telekomunikasi atau Internet, gangguan bekalan kuasa atau UPS atau gangguan penghantaran lain), Pemegang Kad hendaklah menelefon Pusat Hubungan AmBank untuk bantuan. Setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang dan selagi Bank tidak melanggar Perjanjian ini atau cuai, Bank tidak bertanggungjawab terhadap Pemegang Kad jika beliau tidak dapat membuat belian yang dikehendaki di dalam talian di pedagang dalam talian 3D Secure yang turut serta kerana tidak menerima TAC akibat keadaan yang tidak boleh dijangka atau dielakkan yang disebutkan di atas.
- (e) Sekiranya Pemegang Kad memerlukan atau menggunakan sebarang sokongan perkhidmatan dan/atau perisian yang disediakan oleh mana-mana pihak ketiga untuk mengakses dan mengendalikan Perkhidmatan 3D Secure, setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang dan selagi Bank tidak melanggar perjanjian ini atau cuai, Bank tidak menjamin keselamatan dan kerahsiaan maklumat yang dipindahkan menerusi penyedia perkhidmatan Internet, penyedia rangkaian atau penyedia rangkaian komunikasi atau apa-apa sistem yang sedemikian dalam mana-mana bidang kuasa.
- (f) Pemegang Kad bertanggungjawab sepenuhnya terhadap komputer, sistem atau peranti lain milik Pemegang Kad di mana urus niaga dalam talian dilaksanakan dan Pemegang Kad mesti mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan dari semasa ke semasa oleh Bank dalam hal sedemikian.

4. Penyata Kad dan Cara Membuat Bayaran

4.1. Menggunakan Penyata Kad

- (a) Bank hendaklah menghantar Penyata Kad ke alamat terakhir Pemegang Kad yang diketahui dalam rekod Bank dan Penyata Kad hendaklah dianggap telah diterima oleh Pemegang Kad dalam masa tujuh (7) hari perniagaan selepas diposkan. Sekiranya Pemegang Kad membuat keputusan untuk menerima Penyata Kad dalam bentuk penyata elektronik ("e-Penyata") Bank, Penyata Kad akan dihantar ke alamat e-mel terakhir Pemegang Kad yang didaftarkan dengan Bank dalam masa empat (4) hari perniagaan dari Tarikh Penyata Kad dan hendaklah dianggap telah diterima oleh Pemegang Kad. Selepas menerima Penyata Kad, Pemegang Kad dianggap telah menyemak semua catatan dalam penyata.
- (b) Walau apa pun yang terkandung dalam perenggan (a) di atas, Bank boleh menggunakan budi bicaranya untuk tidak menghantar sebarang Penyata Kad jika:
 - i. tidak terdapat sebarang jumlah tertunggak yang perlu dibayar kepada Bank dan/atau tiada urus niaga bagi bulan tertentu;
 - ii. Penyata Kad yang dihantar ke alamat terakhir Pemegang Kad yang diketahui dipulangkan kepada Bank untuk tiga (3) bulan berturut-turut; dan/atau
 - iii. sekiranya bayaran Akaun Kad tidak diterima yang menyebabkan pembatalan Kad.
- (c) Pemegang Kad mesti membuat laporan secara bertulis kepada Bank memaklumkan sebarang kesilapan dalam Penyata Kad dalam masa empat belas (14) hari kalendar dari tarikh penerimaan atau selepas tempoh masa Penyata Kad dianggap telah diterima. Jika Bank tidak menerima pemberitahuan bertulis daripada Pemegang Kad dalam masa empat (14) hari kalendar yang tersebut mengenai sebarang kesilapan dalam Penyata Kad, maka Pemegang Kad dianggap telah menerima catatan dalam penyata yang dibuat sehingga tarikh catatan terakhir dalam penyata sebagai betul dan merupakan bukti mutakhir dan muktamad tentang fakta yang terkandung dalam Penyata.
- (d) Penyata Kad akan dianggap sebagai muktamad dan mengikat Pemegang Kad / wakil / pengganti Pemegang Kad yang sah di sisi undang-undang dan Pemegang Kad tidak boleh membuat sebarang tuntutan terhadap Bank dengan mendakwa bahawa Penyata Kad mengandungi sebarang kesilapan. Untuk mengelakkan keraguan, bukti penghantaran pemberitahuan bertulis kepada Bank bukan bukti penerimaan oleh Bank tentang pemberitahuan bertulis anda jika Bank tidak menerima pemberitahuan bertulis Pemegang Kad.

4.2. Membuat bayaran

- (a) Selepas menerima Penyata Kad, Pemegang Kad perlu membayar baki tertunggak atau Pembayaran Bulanan Minimum kepada Akaun Kad pada atau sebelum Tarikh Matang Pembayaran seperti yang dinyatakan dalam Penyata Kad.
- (b) Jika Pemegang Kad gagal untuk membuat bayaran menurut **Fasal 4.2 (a)** di atas, Bank berhak untuk mengenakan caj ke atas Pemegang Kad dan Pemegang Kad bertanggungjawab untuk membayar caj yang berkenaan seperti yang ditetapkan di bawah **Fasal 5** Perjanjian ini.
- (c) Jika Pemegang Kad mempunyai lebih daripada satu Kad yang dikeluarkan di bawah Akaun Kad, Pemegang Kad perlu membuat bayaran kepada setiap Kad yang berkaitan. Jika terdapat Kad Tambahan, bayaran perlu dibuat secara berasingan bagi setiap nombor Kad Utama dan Kad Tambahan berasaskan nombor Kad dan jumlah yang perlu dibayar bagi setiap Kad. Caj lewat bayar akan dikenakan ke atas Kad dengan sebarang jumlah tertunggak yang belum dijelaskan.
- (d) Semua bayaran kepada Akaun Kad hendaklah dan mesti dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM). Sebarang bayaran oleh atau daripada Pemegang Kad tidak akan dianggap telah dibuat sehingga semua bayaran yang berkaitan telah diterima nilainya oleh Bank. Bagi sebarang bayaran yang dibuat menerusi cek luar, bayaran hendaklah termasuk komisen bank (di mana berkenaan). Bank berhak untuk mendebitkan jumlah komisen daripada Akaun Kad sekiranya Pemegang Kad gagal memasukkannya dalam bayaran.
- (e) Bayaran yang dibuat oleh Pemegang Kad ke Akaun Kad akan digunakan untuk membayar Cukai Perkhidmatan Kad Kredit dan sebarang cukai terlebih dahulu seterusnya Pendahuluan Tunai, QuickCash, ansuran bulanan dan kitaran baki akan digunakan untuk membayar jumlah tertunggak yang dikenakan kadar Yuran Pengurusan tertinggi hingga Yuran Pengurusan terendah (aturan akan bermula dari awal hingga tarikh transaksi terkini). Bayaran diterima akan digunakan kearah menyelesaikan Yuran Pengurusan tertunggak diikuti baki prinsipal tertunggak dan yuran dan caj.
- (f) Jika Pemegang Kad telah menjelaskan sepenuhnya baki tertunggak bulan sebelumnya atau pada Tarikh Matang Pembayaran yang berkenaan (seperti yang dicatatkan dalam Penyata Kad bulan semasa), Pemegang Kad akan menikmati manfaat Tempoh Tanpa Yuran Pengurusan pada bulan semasa untuk urus niaga runcit baru yang dicatatkan dalam Penyata Kad bulan semasa. Jika Pemegang Kad memilih untuk membuat bayaran separa atau Pembayaran Bulanan Minimum daripada Penyata Kad sebelumnya, yuran pengurusan atas urus niaga runcit akan dikira dari tarikh urus niaga dicatatkan pada Akaun Kad.
- (g) Jika Pemegang Kad membayar Bank jumlah yang melebihi jumlah baki ("Prabayaran"), Bank berhak untuk mengesahkan sumber dana Prabayaran sehingga Bank berpuas hati sebelum menggunakan jumlah Prabayaran tersebut bagi urus niaga runcit baru yang dicatatkan dengan menggunakan Kad. Sementara menantikan pengesahan sumber dana, Bank boleh menggantung penggunaan Kad seperti yang ditetapkan di bawah Bahagian 8 dan/atau menolak sebarang urus niaga yang cuba dilaksanakan menerusi Kad selepas Prabayaran dibuat.
- (h) Sebarang tuntutan, kesilapan atau ketidaktepatan, jika terbukti, akan dilaraskan dan dipaparkan pada Penyata Kad yang akan datang atau seterusnya.

5. Yuran dan Caj

5.1. Pembayaran yuran dan caj

- (a) Bank hendaklah mendebitkan yuran dan caj berikut (yang mana berkenaan) daripada Akaun Kad:
 - i. *Yuran tahunan*. Ini merupakan yuran tahunan bagi Kad dan Kad Tambahan yang dikeluarkan atau diperbaharui dan boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa.
 - ii. *Cukai Perkhidmatan kad kredit-i*. Ia adalah caj untuk cukai perkhidmatan (atau cukai lain yang berkaitan) yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa berkenaan.
 - iii. *Yuran pengurusan*. Yuran Pengurusan Tetap (YPT) akan bergantung kepada jenis Kad. Yuran pengurusan mungkin ditambah atau dikurangkan dari masa ke masa. Jumlah berbeza tersebut mengikat dan perlu dibayar oleh Pemegang Kad dari tarikh yang akan ditentukan oleh Bank. Meskipun Bank mempunyai hak untuk mengenakan Yuran Pengurusan Tetap (YPT), namun setiap Kad hanya akan dicajkan dengan Yuran Pengurusan Sebenar (YPS) berasaskan baki tertunggak Pemegang Kad dalam Akaun Kad. Yuran pengurusan adalah berasaskan kadar yang ditetapkan yang dikira atas dasar baki harian menurut rekod pembayaran Pemegang Kad dalam 3 senario ("Yuran Pengurusan Bertingkat") seperti yang ditetapkan dalam Jadual Yuran & Caj pada Lampiran 1. Yuran Pengurusan Bertingkat tidak berkuat kuasa ke atas (1) Pendahuluan Tunai (2) program QuickCash.
Ibra' (Rebat)
- Meskipun Bank mempunyai hak untuk mengenakan Yuran Pengurusan Tetap, Bank boleh, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, memberi Pemegang Kad rebat bagi Yuran Pengurusan Tetap, yang jumlahnya akan ditentukan dan dikira atas budi bicara Bank. Tanpa menjejaskan budi bicara tersebut, jumlah ibra' yang diberikan akan ditentukan berasaskan:
 - (a) perbezaan antara YPT dan YPS pada tarikh Penyata yang berkenaan; dan
 - (b) apabila YPS yang dikenakan terhadap baki belum jelas semasa adalah lebih rendah daripada YPT.
 - iv. *Caj lewat bayar*. Ini merupakan caj bagi bayaran lewat baki tertunggak yang belum dibayar. Yuran ini akan dicajkan pada kadar yang ditetapkan oleh Bank sehingga jumlah maksimum yang ditetapkan oleh Bank dan akan dikenakan selepas Tarikh Matang Pembayaran. Caj lewat bayar tidak akan dikompakan. Sekiranya Kad dibatalkan, caj lewat bayar akan terus dikenakan selagi terdapat baki tertunggak yang perlu dibayar.

- v. *Yuran melebihi had*. Ini merupakan yuran bagi Perkhidmatan Melebihi Had yang disediakan menurut **Fasal 1A.2 (d)** dan **Fasal 1.2**. Yuran ini akan dikenakan pada kadar ditetapkan ke atas jumlah yang melebihi Had Kredit.
 - vi. *Yuran Pendahuluan Tunai*. Ini merupakan yuran bagi Pendahuluan Tunai menurut Fasal 1A.2 (d) dan Fasal 3.2. Yuran ini akan dikenakan atas sebarang jumlah yang dikeluarkan pada kadar atau jumlah minimum yang ditetapkan oleh Bank (yang mana lebih tinggi), dan hendaklah didebitkan daripada Akaun Kad pada tarikh catatan Pendahuluan Tunai. *Yuran Pengurusan Pendahuluan Tunai*. Selain daripada yuran Pendahuluan Tunai, satu yuran pengurusan bulanan pada kadar ditetapkan Bank yang dikira atas dasar harian akan dikenakan ke atas Amaun Pendahuluan Tunai dari tarikh Pendahuluan Tunai dibuat sehingga bayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad.
 - vii. *Yuran permintaan Penyata Kad Tambahan*. Ini merupakan yuran perkhidmatan bagi sebarang permintaan untuk salinan Penyata Kad atau untuk salinan selanjutnya penyata Kad yang sama.
 - viii. *Yuran penggantian kad*. Ini merupakan yuran perkhidmatan bagi sebarang Kad gantian yang dikeluarkan di bawah Akaun Kad atas permintaan Pemegang Kad akibat kehilangan, kerosakan atau atas sebab lain untuk menggantikan Kad.
 - ix. *Yuran ciri pilihan (jika berkenaan)*. Ini merupakan yuran yang timbul daripada sebarang ciri yang disediakan secara pilihan di bawah Kad menurut Fasal 6(b). Yuran ini hendaklah dikenakan ke atas Akaun Kad berasaskan ciri khusus yang didaftarkan oleh Pemegang Kad. Yuran yang dikenakan adalah berbeza mengikut ciri dan dicajkan setiap tahun dan didebitkan daripada Akaun Kad semasa pendaftaran.
 - x. *Yuran pengurusan pindahan baki*. Berkuat kuasa ke atas program pindahan baki Bank. Ini merupakan yuran pengurusan bagi sebarang urus niaga pindahan baki pada kadar ditetapkan Bank yang dikira atas dasar baki harian dari tarikh luput tempoh khas yuran pengurusan yang ditetapkan di bawah program, dan akan dikenakan sehingga bayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad.
 - xi. *Yuran guaman, kos dan/atau perbelanjaan guaman berkaitan*. Ini merupakan caj yang dikenakan oleh Bank bagi perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Bank sekiranya Bank menguatkuasakan haknya di bawah Perjanjian ini untuk memperoleh kembali semua atau sebahagian daripada wang yang dihutang oleh Pemegang Kad kepada Bank dalam Akaun Kad.
 - xii. *Yuran Pengurusan QuickCash*. Sekiranya amaun ansuran prinsipal bulanan dan amaun ansuran yuran pengurusan bulanan tidak dibayar sepenuhnya pada tarikh matang pembayaran, Pemegang Kad akan bertanggungjawab ke atas yuran pengurusan yang dikira berdasarkan baki harian atas baki tertunggak.
- (b) Sekiranya berlaku pembatalan Kad atau penamatan Perjanjian ini sama ada oleh Bank atau Pemegang Kad, tiada pemulangan yuran tahunan, cukai perkhidmatan atau sebarang yuran lain yang dikenakan (atau mana-mana bahagiannya) akan dibuat oleh Bank kepada Pemegang Kad.

5.2. Perubahan yuran dan caj

- (a) Jumlah yuran, kadar, cukai atau caj yang disebutkan di atas dinyatakan dalam Jadual Yuran & Caj dalam Lampiran 1 kepada Perjanjian ini.
- (b) Yuran, kadar, cukai atau caj di atas mungkin diubah dan dikenakan pada bila-bila masa dan/atau dari semasa ke semasa atas budi bicara Bank tertakluk kepada prinsip Syariah dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu. Pemegang Kad bertanggungjawab untuk menyemak yuran, kadar, cukai dan caj terkini di laman web rasmi Bank atau menerusi Pusat Kad Bank.

6. Manfaat dan Keistimewaan Kad

- (a) Kad mungkin menyediakan program yang merangkumi ganjaran, tawaran dan promosi yang akan melibatkan Pedagang dan Rakan Niaga Bank. Untuk Kad dengan program ganjaran, terma dan syarat program dinyatakan dalam Lampiran 2 kepada Perjanjian ini.
- (b) Bagi Kad terpilih atau terkhusus, Kad mungkin menawarkan ciri pilihan yang mana Pemegang Kad boleh mendaftar untuk semua atau mana-mana ciri yang disediakan, tertakluk kepada yuran ciri Pilihan menurut **Fasal 5**. Pemegang Kad terikat kepada terma dan syarat tambahan ciri pilihan tersebut seperti yang diterangkan dalam dokumen lampiran berasingan atau dokumen tambahan bagi Kad terpilih atau terkhusus, yang juga disediakan di www.ambank.com.my.

7. Keselamatan Kad & PIN dan Kad Hilang/Dicuri

7.1. Maklumat yang disediakan dan dikemaskinikan oleh Pemegang Kad

- (a) Untuk membolehkan Bank menguruskan dan menyenggara Akaun Kad, penggunaan Kad dan penghantaran PIN dan Penyata Kad, Pemegang Kad hendaklah memastikan bahawa semua maklumat yang diberikan oleh Pemegang Kad kepada Bank (termasuk bagi pihak Pemegang Kad Tambahan, jika berkenaan) adalah tepat, terkini dan dikendalikan dengan cara yang selamat dan terlindung.
- (b) Pemegang Kad hendaklah mengemaskinikan butiran peribadinya atas permintaan Bank untuk tujuan rekod, pengesahan dan keselamatan Bank dari semasa ke semasa.
- (c) Pemegang Kad hendaklah memaklumkan Bank secara bertulis atau menghubungi Pusat Hubungan Bank tentang sebarang perubahan alamat kediaman, nombor telefon atau pertukaran pekerjaan atau perniagaan dan Bank akan membuat perubahan tersebut dalam masa tiga puluh (30) hari perniagaan selepas pemberitahuan tersebut.

7.2. Salah Guna Kad dan Pendedahan PIN

- (a) Jika Kad dan maklumat Kad dan/atau PIN telah diperolehi oleh pihak ketiga dengan kebenaran Pemegang Kad atau Pemegang Kad Tambahan, Pemegang Kad dan/atau Pemegang Kad Tambahan bertanggungjawab terhadap sebarang penggunaan Kad oleh pihak ketiga tersebut atau sesiapa pun, walaupun jika Pemegang Kad atau Pemegang Kad Tambahan tidak mengesahkan urus niaga, sehingga Bank menerima pemberitahuan dan arahan daripada Pemegang Kad dan/atau Pemegang Kad Tambahan untuk menggantung dan/atau membatalkan penggunaannya.
- (b) PIN hendaklah dianggap sebagai maklumat sulit dan disimpan rapi oleh Pemegang Kad dan tidak harus didedahkan kepada sesiapa sahaja dalam apa jua keadaan atau untuk apa jua sebab. Pemegang Kad hendaklah:
 - i. memusnahkan sebarang maklumat pemberitahuan/surat PIN;
 - ii. tidak menyimpan sebarang rekod bertulis PIN bersama atau berhampiran Kad;
 - iii. tidak memaparkan atau membenarkan orang lain untuk melihat PIN semasa memasukkannya PIN;
 - iv. tidak memilih PIN atau menggunakan PIN secara cuai atau melulu yang akan menyebabkan atau menimbulkan kerugian daripada sebarang urus niaga tidak sah daripada penggunaan Kad oleh mana-mana pihak ketiga;
 - v. anda dinasihatkan untuk tidak menggunakan tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor mudah alih sebagai PIN;
 - vi. memaklumkan Bank dengan segera selepas menerima maklumat transaksi SMS jika transaksi tidak dibenarkan; dan
 - vii. memaklumkan Bank dengan segera selepas mengetahui bahawa PIN digunakan atau diketahui oleh orang lain.

7.3. Kehilangan atau Kecurian Kad

- (a) Pemegang Kad mestilah mengambil segala langkah berjaga-jaga dan keselamatan untuk mencegah kehilangan atau kecurian Kad.
- (b) Pemegang Kad wajib memaklumkan Bank, atau jika di luar Malaysia, untuk memaklumkan mana-mana institusi ahli Mastercard International dan/atau Visa International (yang mana berkenaan) serta-merta untuk mengesahkan secara bertulis jika Kad hilang atau dicuri. Pemegang Kad mesti membuat laporan polis dengan serta-merta dan mengemukakan salinan laporan kepada Bank.
- (c) Jika Kad yang dilaporkan hilang/dicuri seterusnya diperolehi kembali, Pemegang Kad hendaklah memulangkan Kad, yang telah dipotong dua dan ditebuk lubang pada cip, kepada Bank dengan serta-merta selepas mendapatkannya kembali.
- (d) Bagi sebarang urus niaga tidak sah yang dibuat dengan Kad Pemegang Kad yang hilang atau dicuri, Pemegang Kad bertanggungjawab membayar jumlah urus niaga:
 - i. sehingga RM250 sahaja, jika Pemegang Kad tidak melanggar Perjanjian ini, atau tidak cuai, atau tidak melakukan penipuan, telah memaklumkan Bank dan telah bertindak menurut syarat ditetapkan dalam **Fasal 7.3(b)** sejurus selepas ia dapat yang dilakukan apabila menyedari tentang kehilangan atau kecurian Kad; atau
 - ii. sehingga jumlah penuh atau jumlah maksimum urus niaga, jika didapati dan terbukti bahawa Pemegang Kad telah bertindak melanggar Perjanjian ini, telah cuai, menipu, gagal memaklumkan Bank dan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan dalam **Fasal 7.3(b)** sejurus selepas ia dapat dilakukan apabila menyedari kehilangan atau kecurian Kad.
- (e) Pemegang Kad bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang disebabkan oleh apa-apa tindakan atau penipuan yang dilakukan atau dimulakan oleh Pemegang Kad dan salah guna kad menurut **Fasal 7.2**.
- (f) Semata-mata untuk mencegah penipuan dan jenayah dan di dalam keadaan tersebut, Bank berhak untuk menolak sebarang urus niaga yang di buat menggunakan Kad pada bila-bila masa tanpa sebarang notis dan/atau keperluan untuk memberikan apa jua sebab. Bank juga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian (termasuk kehilangan reputasi) atau ganti rugi dalam apa jua bentuk dan walau bagaimanapun ia berlaku disebabkan oleh tindakan Bank melaksanakan hak untuk tujuan dan keadaan tersebut.

8. Penggantungan dan Pembatalan Kad

8.1. Penggantungan atau Pembatalan Kad oleh Bank

- (a) Bank boleh menggantung Kad (menarik balik hak Pemegang Kad untuk menggunakan Kad) atau membatalkan Kad (menamatkan penggunaan Kad dan Perjanjian ini dengan Pemegang Kad) di bawah Akaun Kad pada bila-bila masa atas budi bicaranya dan selepas berlaku mana-mana kejadian berikut, dengan atau tanpa notis terlebih dahulu:
 - i. jika Pemegang Kad gagal melaksanakan dan/atau mematuhi mana-mana terma dan syarat Perjanjian ini;
 - ii. jika Pemegang Kad:

- . mengendalikan Akaun Kad dengan cara yang tidak wajar atau kurang memuaskan;
 - . mengendalikan akaun bank beliau yang lain bersama Bank dengan cara tidak wajar atau kurang memuaskan;
 - . mengendalikan mana-mana kemudahan kad atau akaun bank yang mungkin dimiliki oleh Pemegang Kad dengan institusi kewangan lain dengan cara yang tidak wajar atau kurang memuaskan;
 - . melakukan atau mengancam untuk melakukan keingkaran terhadap mana-mana peruntukan perjanjian dan/atau dokumen keselamatan (termasuk perjanjian penyelesaian) di bawah mana-mana produk/perkhidmatan Bank atau Kumpulan AmBank atau berhubung dengan akaun atau kemudahan pembiayaan lain yang diberikan oleh Bank di bawah Kumpulan AmBank atau mana-mana institusi kewangan lain kepada Pemegang Kad (atau kepada mana-mana pihak lain di mana Pemegang Kad merupakan penjamin atau penggadai atau penyerah hak).
- iii. jika Pemegang Kad gagal membayar sebarang hutang tertunggak atau sebarang hutang lain kepada Bank atau kepada Kumpulan AmBank di bawah mana-mana produk/perkhidmatannya atau berkaitan dengan akaun atau kemudahan pembiayaan lain apabila matang
- iv. jika Pemegang Kad menjadi muflis atau mengambil tindakan yang menyebabkan kemuflian;
- v. jika sebarang perintah undang-undang atau keputusan penghakiman dibuat oleh mana-mana mahkamah undang-undang atau badan kehakiman ke atas atau terhadap Pemegang Kad dalam sebarang tindakan atau prosiding undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada permohonan untuk sebarang bentuk pelaksanaan di bawah apa jua tuntutan atau untuk sebarang bentuk pelepasan di bawah apa-apa remedi undang-undang atau keadilan (sama ada secara sementara atau selainnya);
- vi. jika berlaku kejadian atau timbul keadaan yang boleh menjejaskan keupayaan Pemegang Kad untuk menunaikan kewajibannya di bawah Perjanjian ini atau menjejaskan pembayaran balik jumlah tertunggak atau Pembayaran Bulanan Minimum kepada Bank di bawah Akaun Kad;
- vii. jika Pemegang Kad meninggal dunia;
- viii. jika Kad atau PIN telah digunakan untuk aktiviti yang melanggar undang-undang, dan/atau
- ix. Sekiranya Kad digunakan oleh Pemegang Kad untuk membeli atau menggunakan bahan dagangan, barangan dan perkhidmatan tidak Halal, adalah tanggungjawab Pemegang Kad sendiri dan bukan tanggungjawab Bank. Bank juga berhak untuk menamatkan Kad dengan serta-merta tanpa memberikan notis terlebih dahulu atau liabiliti jika Kad didapati digunakan untuk urusan niaga tidak patuh Syariah.
- (b) Sebagai lanjutan kepada Fasal 8.1 (a) di atas, sebarang penggantungan atau pembatalan Kad oleh Bank:
- i. jika dimaklumkan atau dimaklumkan selepas itu kepada Pemegang Kad, tidak memerlukan atau mewajibkan Bank untuk memberikan apa jua sebab;
 - ii. jika dikuatkuasakan ke atas Pemegang Kad Utama, maka ia juga boleh berkuat kuasa ke atas Pemegang Kad Tambahan;
 - iii. jika disebabkan oleh kematian Pemegang Kad yang dimaklumkan atau diberitahu oleh pihak lain, ia tertakluk kepada proses pengesahan Bank, termasuk penerimaan bukti kematian;
 - iv. mungkin menjejaskan kad sedia ada dan aktif yang lain di bawah mana-mana kemudahan kad yang diberikan oleh Bank atau di bawah Kumpulan AmBank kepada Pemegang Kad dan/atau Pemegang Kad Tambahan; dan/atau
 - v. tidak menjejaskan sebarang hak lain Bank di bawah Perjanjian ini.
- 8.2. Pembatalan Kad oleh Pemegang Kad
- Pemegang Kad boleh menamatkan Perjanjian ini untuk membatalkan Kad (dan Kad Tambahan jika ada) dengan memberikan arahan secara lisan menerusi Pusat Hubungan Bank, tertakluk kepada proses pengesahan Bank. Bagaimanapun, Bank berhak untuk meminta notis atau pengesahan bertulis penamatn tersebut dan/atau pengembalian Kad yang dipotong dua kepada Pusat Kad Bank sebelum pembatalan dikuatkuasakan. Pemegang Kad diwajibkan untuk menjelaskan semua jumlah tertunggak atau baki belum dibayar di bawah Akaun Kad.
- 8.3. Hak Bank Selepas Pembatalan Kad
- (a) Selepas Kad dibatalkan sama ada oleh Bank atau Pemegang Kad, semua wang yang dihutang kepada Bank menjadi matang dan perlu di bayar dengan serta-merta. Pemegang Kad mesti menjelaskan sepenuhnya semua wang yang dihutang dan tertunggak dalam Akaun Kad atas permintaan Bank. Kegagalan untuk berbuat demikian memberi hak kepada Bank untuk mengambil tindakan pada bila-bila masa yang dianggap perlu untuk mendapatkan kembali wang tersebut, bersama dengan yuran yang berkenaan dan caj menurut Fasal 5. Kegagalan bertindak atau kelewatan di pihak Bank tidak boleh dianggap sebagai penepian hak Bank untuk melaksanakan haknya di bawah Perjanjian ini.
- (b) Sebagai lanjutan kepada Fasal 8.3 (a) di atas, Bank juga berhak untuk:
- i. menutup Akaun Kad;
 - ii. menggantung atau membatalkan mana-mana kemudahan kad sedia ada dan aktif lain yang diberikan oleh Bank atau di bawah Kumpulan AmBank kepada Pemegang Kad atau Pemegang Kad Tambahan selagi terdapat hutang tertunggak belum dibayar daripada Kad yang dibatalkan atau yang tinggal dalam Akaun Kad;
 - iii. untuk melaksanakan hak pengimbangan menurut **Fasal 12 (h)**; dan/atau
 - iv. untuk memaparkan Nombor Kad pada Buletin Pembatalan dan mengedarkannya kepada semua Pedagang dan atau Bank Ahli Mastercard/Visa.

9. Pendedahan Maklumat & Dasar Privasi

9.1. Pendedahan Maklumat Pemegang Kad

- (a) Pemegang Kad memberikan persetujuan kepada Bank untuk mendedahkan, atas budi bicara Bank, semua maklumat dan dokumen berkaitan Perjanjian ini, serta perlakuan dan hal-ehwal Pemegang Kad berkaitan dengan Akaun Kad (secara kolektif "Maklumat Pemegang Kad") kepada/untuk:
- i. mana-mana syarikat di dalam Kumpulan AmBank, ejen, pekerja dan/atau sekutunya atau orang yang dianggap perlu oleh Bank untuk tujuan yang dianggap wajar di bawah Perjanjian ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - . untuk menyelaraskan pelaksanaan dan fungsi Bank dan Kumpulan AmBank;
 - . untuk mencegah jenayah dan untuk audit, kutipan hutang dan tujuan pemprosesan perkhidmatan;
 - . untuk menyasat, melaporkan dan mencegah sebarang perubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan aktiviti jenayah secara umum;
 - ii. mana-mana Pedagang, Bank Ahli Mastercard/Visa, Mastercard/Visa dan mana-mana institusi ahli Mastercard/Visa yang menerima Kad;
 - iii. mana-mana pihak berkuasa kawal selia dan berwajib yang bertindak di bawah kuasa sebarang undang-undang yang berkuat kuasa;
 - iv. waris kadim/pentadbir/wasi/benefisiari Pemegang Kad yang meninggal dunia atau peguam yang bertindak bagi pihak mereka yang berhasrat memohon perintah mahkamah yang telah memohon perintah mahkamah berkaitan harta pusaka Pemegang Kad yang telah meninggal dunia;
 - v. mana-mana syarikat takaful, broker dan/atau penaksir kerugian berhubung dengan sebarang tuntutan yang dibuat oleh Bank di bawah polisi takaful tersebut berkenaan dengan Pemegang Kad atau berhubung dengan Kad atau kemudahan kad;
 - vi. untuk tujuan sebarang saman/prosiding undang-undang yang difailkan oleh Bank terhadap mana-mana pihak ketiga berhubung dengan Perjanjian ini/Pemegang Kad;
 - vii. untuk tujuan sebarang saman/prosiding undang-undang yang difailkan oleh Bank terhadap mana-mana pihak ketiga untuk menebus kerugian di bawah Perjanjian/daripada Pemegang Kad;
 - viii. polis/pihak berkuasa penyasatan lain, untuk tujuan penyasatan mereka terhadap sebarang jenayah (termasuk sebarang kegiatan perubahan wang dan pembiayaan keganasan) sama ada dilakukan oleh Pemegang Kad atau selainnya;
 - ix. polis/pihak berkuasa penyasatan lain untuk tujuan membuat laporan yang berkenaan oleh Bank dan melakukan penyasatan terhadapnya, jika Bank berpendapat bahawa jenayah telah dilakukan/untuk mencegah/menebus kerugian yang ditanggung oleh Bank/untuk tujuan mencegah jenayah;
 - x. mana-mana pihak yang pada masa depan mungkin menyuatkan hasrat untuk memperoleh kepentingan/pegangan saham dalam Bank/menurut sebarang cadangan pengatur, penyusunan, penggabungan, pemerolehan/penyusunan semula antara Bank dan pihak tersebut;
 - xi. penasihat profesional luar Bank dan Kumpulan AmBank; dan/atau
 - xii. sebarang tujuan lain yang ditetapkan oleh atau yang mematuhi undang-undang dan peraturan.
- (b) Sekiranya terdapat sebarang prosiding undang-undang yang dimulakan oleh Bank terhadap Pemegang Kad di bawah Perjanjian ini untuk mengutip hutang, Pemegang Kad memberikan persetujuan kepada Bank untuk mendedahkan butiran, maklumat berkaitan dengan Pemegang Kad dan kertas tujuan prosiding undang-undang tersebut kepada mana-mana agensi pelaporan kredit di Malaysia..

9.2. Privasi

- (a) Pemegang Kad mengesahkan bahawa Pemegang Kad telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat kepada Notis Privasi Kumpulan AmBank (yang boleh didapati di www.ambank.com.my) dan fasal di dalam ini, yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi beliau. Untuk mengelakkan keraguan, Pemegang Kad bersetuju bahawa Notis Privasi hendaklah dianggap tergabung menerusi rujukan dalam Perjanjian ini.
- (b) Sekiranya Pemegang Kad memberikan maklumat peribadi dan/atau kewangan berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat berkaitan dengan waris kadim, tanggungan, pengarah, pemegang saham, pegawai dan penyedia perkhidmatan untuk tujuan membuka atau mengendalikan Kad dengan Bank atau melanggan produk dan perkhidmatan Bank, maka Pemegang Kad:

- i. mengesahkan bahawa Pemegang Kad telah mendapat persetujuan mereka atau sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat kepada Bank dan Bank boleh menggunakannya menurut Perjanjian ini dan untuk memberikan maklumat tentang produk, perkhidmatan dan/atau tawaran Bank (termasuk produk, perkhidmatan dan tawaran entiti lain di dalam Kumpulan AmBank) yang dianggap oleh Bank dan/atau Kumpulan AmBank mungkin menarik minat atau membawa manfaat kepada mereka;
 - ii. bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat;
 - iii. bersetuju untuk mengemaskinikan maklumat peribadi dan kewangan tersebut dan memaklumkan Bank secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan ketara; dan
 - iv. bersetuju dengan hak Bank untuk menamatkan Kad sekiranya persetujuan tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.
- (c) Apabila Pemegang Kad memberi arahan kepada Bank untuk melaksanakan apa-apa bentuk urus niaga rentas sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima bayaran), butiran urus niaga rentas sempadan yang berkenaan (termasuk maklumat berkaitan dengan mereka yang terlibat dalam urus niaga tersebut) boleh diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh ejen Bank di luar negara, pihak kawal selia dan/atau pihak berkuasa asing berhubung dengan tugas sah mereka (cth pencegahan jenayah). Dalam menyampaikan arahan kepada Bank dan/atau ejen kami untuk menjalankan sebarang urus niaga rentas sempadan bagi pihak Pemegang Kad, Pemegang Kad bersetuju dengan pendedahan yang dinyatakan di atas bagi pihak Pemegang Kad dan pihak lain yang terlibat dalam urus niaga rentas sempadan tersebut.
- (d) Di samping itu, dengan syarat ia mematuhi mana-mana undang-undang, (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau kewajipan) yang berkuat kuasa ke atas Bank (sama ada di dalam atau di luar Malaysia), Pemegang Kad bersetuju bahawa syarikat lain di dalam Kumpulan AmBank, pedagang dan rakan strategik mereka boleh menghubungi Pemegang Kad berkaitan produk, perkhidmatan dan tawaran yang dianggap oleh Bank dan Kumpulan AmBank sebagai mungkin menarik minat atau membawa manfaat kepada Pemegang Kad.
- (e) Bank dan Kumpulan AmBank boleh berhubung dengan Pemegang Kad menerusi pelbagai saluran, termasuk telefon, e-mel, pesanan elektronik/mudah alih, faksimile atau pos berasaskan maklumat hubungan yang disediakan oleh Pemegang Kad.
- (f) Pemegang Kad boleh memaklumkan Bank pada bila-bila masa jika Pemegang Kad tidak mahu menerima sebarang komunikasi pemasaran daripada Bank, Kumpulan AmBank dan/atau pedagang dan rakan niaga mereka, dengan menghubungi Bank melalui pelbagai saluran di bawah:
- Pegawai Perkhidmatan Pelanggan
 Telefon : 03-2178 8888
 E-mel : customercare@ambankgroup.com
 Laman web : ambank.com.my
- (g) Arahan bertulis terkini Pemegang Kad kepada Bank akan diguna pakai. Pemegang Kad memperakui bahawa komunikasi tertentu seperti Penyata Kad dan laman web Kumpulan AmBank mungkin mengandungi maklumat piawai berkaitan produk dan perkhidmatan lain Bank dan Kumpulan AmBank yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan pelaksanaan / operasi penyediaan Kad dan/atau tanpa kos tambahan kepada Pemegang Kad.
- (h) Bank boleh menggunakan agensi pelaporan kredit untuk membantu membuat keputusan, sebagai contoh apabila Bank perlu:
- i. menyemak butiran mengenai permohonan Kad, kemudahan pembiayaan dan berkaitan pembiayaan atau kemudahan lain yang disediakan kepada Pemegang Kad;
 - ii. menguruskan dan menyemak Perjanjian ini atau Akaun Kad; dan/atau
 - iii. mengutip hutang yang ditanggung oleh Pemegang Kad.
- (i) Pemegang Kad akan dikaitkan oleh agensi pelaporan kredit dengan mana-mana nama lain yang digunakan atau pernah digunakan oleh Pemegang Kad, dan sebarang pemohon yang bersama dan berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang Pemegang Kad dan cara Pemegang Kad menguruskan Kad dengan agensi pelaporan kredit yang berkenaan.
- (j) Walaupun setelah Pemegang Kad memberikan maklumat kepada Bank, Pemegang Kad mempunyai pilihan untuk menarik balik persetujuan yang diberikan sebelum ini. Dalam keadaan tersebut, Bank berhak untuk tidak menyediakan atau menamatkan penyediaan Kad yang dikaitkan dengan maklumat tersebut.
- (k) Bank berhak untuk meminda fasal di bawah bahagian ini dari semasa ke semasa atas budi bicara Bank dengan memberikan notis kepada Pemegang Kad.
- (l) Bahagian ini tidak menjejaskan **Fasal 9(1)** yang memperuntukkan pendedahan maklumat.

10. Perubahan kepada Perjanjian ini

- (a) Bank berhak untuk meminda, menambah atau menggugurkan (mana-mana) terma dan syarat Perjanjian ini dari semasa ke semasa dengan:
- i. memaklumkan Pemegang Kad dua puluh satu (21) hari kalendar lebih awal; dan
 - ii. memaklumkan dan menerbitkan terma dan syarat baru atau sebarang perubahan kepada Perjanjian ini sebelum tarikh kuat kuasa dengan sebarang cara yang dianggap wajar oleh Bank.
- Pemegang Kad perlu menyemak laman web rasmi Bank dari semasa ke semasa untuk maklumat terkini tentang terma dan syarat Perjanjian kerana sebarang perubahan kepada Perjanjian ini akan diterbitkan di laman web Bank.
- Jika Pemegang Kad tidak bersetuju ke atas pindaan berkenaan, Pemegang Kad harus memaklumkan pihak Bank secara bertulis dalam tempoh masa notis bermula dari tarikh notis dikeluarkan kepada Pelanggan oleh pihak Bank dan membayar kesemua jumlah tunggakan dengan penuh. Jika Pemegang Kad bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat berkenaan dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari selepas notis dikeluarkan, Pemegang Kad akan dianggap telah menerima pindaan berikut ke atas Terma dan Syarat.
- (b) Pemegang Kad adalah terikat dengan sebarang perubahan kepada Perjanjian ini pada tarikh kuat kuasa yang dinyatakan dan dimaklumkan oleh Bank menurut perenggan (a) di atas. Jika Pemegang Kad tidak bersetuju dengan perubahan di atas, Pemegang Kad berhak untuk serta-merta menamatkan Perjanjian ini atau membatalkan Kad menurut **Fasal 8.2** dan menjelaskan sepenuhnya semua jumlah tertunggak di bawah Akaun Kad menurut **Fasal 8.3 (a)**.
- (c) Penyimpanan Kad oleh Pemegang Kad (sama ada Kad digunakan atau tidak) selepas tarikh kuat kuasa sebarang perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dianggap sebagai penerimaan perubahan tersebut tanpa keraguan atau bantahan oleh Pemegang Kad

11. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 Dan Akta Perdagangan Strategik 2010

11.1. Pemegang Kad mengakui dan menjamin bahawa:

- (a) melainkan jika dan sehingga Pemegang Kad memberitahu Bank sebaliknya secara bertulis:
- i. Pemegang Kad adalah prinsipal berhubung dengan kemudahan;
 - ii. tiada seorang pun selain daripada Pemegang Kad yang mempunyai atau akan mempunyai apa-apa kepentingan dalam kemudahan ini;
 - iii. kesemua wang yang akan dibayar kepada Bank, kesemua cagaran dan/atau jaminan yang memihak kepada Bank untuk mendapatkan kemudahan (jika ada) akan datang daripada sumber kegiatan yang sah dan bukannya aktiviti yang menyalahi undang-undang, seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram, 2001 ("AMLATFA") atau bertentangan dengan Akta Perdagangan Strategik 2010 ("STA").
- (b) apabila diberitahu bahawa Pemegang Kad adalah perantara bagi orang lain:
- i. Bank boleh meminta, dan Pemegang Kad bersetuju dan berjanji untuk memberikan pengesahan identiti benefisiari dan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Bank, termasuk namun tidak terhad kepada salinan yang diperakui sah bagi apa-apa kebenaran untuk bertindak atau dokumen yang boleh diminta bagi tujuan mengesahkan maklumat yang diberikan oleh Pemegang Kad, yang mana salinannya boleh disimpan oleh pihak Bank;
 - ii. Pemegang Kad selanjutnya mengisytiharkan dan mengesahkan bahawa pemeriksaan "know-your-customer" yang diperlukan telah dijalankan termasuk namun tidak terhad kepada identiti, kewujudan, alamat dan jenis perniagaan benefisiari, ia disahkan oleh Pemegang Kad bahawa wang, dana atau cagaran adalah daripada sumber aktiviti yang sah dan bukannya aktiviti haram seperti yang ditakrifkan di bawah AMLATFA atau bertentangan dengan STA; dan
 - iii. selanjutnya dengan ini dipersetujui dengan jelas dan difahami bahawa peruntukan butir-butir benefisiari Pemegang Kad tidak akan menjadikan benefisiari sebagai Pemegang Kad Bank dan Bank berhak untuk menganggap Pemegang Kad sebagai prinsipal.

11.2. Sebagai tambahan kepada **Klausula 11.1 (a) dan (b)** di sini, Pemegang Kad dengan ini bersetuju dan mengakui tanpa syarat bahawa:

- (a) pemegang Kad harus mendedahkan serta mengemukakan kepada Bank sebarang maklumat yang diperlukan atau dianggap patut dalam masa terdekat untuk memenuhi kehendak Bank dalam tempoh yang dinyatakan oleh pihak Bank, sama ada atau tidak untuk tujuan pematuhan undang-undang, peraturan, arahan dan garis panduan Bank Negara Malaysia ("BNM") dan/atau yang diberikan, dibuat atau ditetapkan oleh pihak Bank;
- (b) dalam menunggu penerimaan maklumat oleh pihak Bank daripada Pemegang Kad, sehingga ianya diterima dan disahkan mengikut kehendak Bank dan/atau pihak berkuasa berkenaan, pihak Bank tidak berobligasi untuk meneruskan dengan sebarang transaksi atau pelepasan dana ataupun menerima sebarang wang, dana atau cagaran ("Aset"). Merujuk kepada Aset yang sudah berada dalam kawalan Bank, pihak Bank akan berhak (dan diberikuasa) untuk menahan Aset tersebut buat sementara waktu; apa-apa Aset yang diminta untuk dikembalikan kepada Pemegang Kad atau mana-mana pihak akan dikembalikan kepada Pemegang Kad dan mana-mana pihak setelah pihak Bank menerima notis pelepasan oleh pihak berkuasa yang berkenaan;
- (c) pemegang Kad tidak akan menggunakan kemudahan tersebut untuk melakukan pengubahan wang haram atau melanggar sebarang undang-undang berkaitan pengubahan wang haram seperti yang termaktub dibawah AMLATFA atau bertentangan dengan STA; dan

- (d) Pihak Bank atau syarikat-syarikat di dalam AmBank Group tidak akan, dalam apa jua keadaan, menanggung apa-apa kerugian yang berlaku secara langsung, tidak langsung, atau akibat daripada apa-apa sebab yang timbul atau yang disebabkan oleh pihak Bank dalam menunaikan tanggungjawabnya di bawah undang-undang pada masa ianya berkuatkuasa, terutamanya tetapi tidak terhad kepada tanggungjawab berkanun Bank di bawah AMLATFA atau STA.
- 11.3. Sekiranya pembayaran Kad oleh Pemegang Kad pada bila-bila masa atau daripada semasa ke semasa atau selepas Bank melepaskan dan membebaskan Pemegang Kad daripada obligasinya di bawah Perjanjian ini, didapati berpunca daripada suatu sumber haram berkaitan dengan aktiviti atau instrumen yang merupakan suatu kesalahan seperti yang ditakrifkan di bawah AMLATFA atau bertentangan dengan STA, Pemegang Kad bersetuju dan mengakui bahawa:
- pelepasan dan pembebasan Pemegang Kad daripada obligasinya di bawah Perjanjian ini hendaklah secara automatik dianggap tidak sah daripada tarikh ia dibuktikan bahawa sumber pembayaran Kad tersebut adalah di dalam lingkungan AMLATFA atau bertentangan dengan STA dan Pemegang Kad hendaklah masih menanggung liabiliti kepada Bank di bawah terma Perjanjian ini walau apa jua pun sebarang dokumen yang dikeluarkan dan/atau disempurnakan oleh Bank untuk melepaskan dan membebaskan Pemegang Kad; dan
 - Pemegang Kad hendaklah menanggung rugi Bank terhadap apa-apa kerugian, kerosakan, kos, yuran dan caj yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat daripada Pemegang Kad melanggar peruntukan di bawah AMLATFA dan/atau bertentangan dengan STA.

12. Syarat Am

- Undang-undang** - Perjanjian ini dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa bukan eksklusif Mahkamah Malaysia. Perjanjian dirangka supaya patuh Syariah sepenuhnya. Pemegang Kad dan Bank bersetuju bahawa hak dan kewajipan masing-masing di dalam ini adalah bertujuan untuk mematuhi dan tertakluk kepada dan berlandaskan Syariah (Syariah yang ditentukan oleh Jawatankuasa Syariah Bank atau Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia). Pemegang Kad dengan ini selanjutnya bersetuju bahawa Kad tidak boleh digunakan untuk aktiviti haram atau urusan niaga tidak patuh Syariah.
- Masa** - Masa adalah asas Perjanjian ini apabila dinyatakan di dalamnya.
- Penepian** - Kegagalan bertindak atau kelewatan bertindak di pihak Bank untuk melaksanakan mana-mana hak di bawah Perjanjian ini tidak boleh dianggap sebagai penepian dan tidak menjejaskan hak tersebut.
- Pengekalan Hak dan Kelayakan** - Hak dan Kelayakan Bank di bawah Perjanjian ini hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya dan tidak akan terjejas oleh sebarang pembatalan dan penggantungan oleh Bank.
- Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013** - Pemegang Kad (dan Pemegang Kad Tambahan jika ada) hendaklah menyatakan pada borang permohonan jika beliau merupakan pihak berkaitan menurut "Garis Panduan Urus Niaga Kredit dan Pendedahan dengan Pihak Berkaitan Bagi Bank Islam" berhubung dengan Seksyen 57 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Jika tiada kenyataan atau pengesahan diberikan pada borang permohonan, Pemegang Kad dan Pemegang Kad Tambahan hendaklah dianggap sebagai pihak tidak berkaitan.
- Indemniti** - Setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang dan selagi Bank tidak melanggar Perjanjian ini atau cuai, Pemegang Kad bersetuju untuk menanggung rugi Bank bagi sebarang kerugian atau kerosakan, kos dan perbelanjaan, dan yuran dan caj yang mungkin ditanggung oleh Bank kerana pelanggaran mana-mana terma dan syarat Perjanjian (termasuk akibat penguatkuasaan terma dan syarat tersebut terhadap Pemegang Kad).
- Force Majeure** - Setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab terhadap Pemegang Kad bagi sebarang kerugian atau kos (termasuk kehilangan peluang perniagaan atau keuntungan) yang disebabkan oleh keadaan tidak normal atau tidak boleh diduga dan di luar kawalan munasabah Bank yang tidak dapat dielakkan, termasuk sebarang bencana alam, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, kekacauan awam, tindakan pengganas, pertikaian perindustrian, kekacauan buruh, sekatan masuk kerja, kebakaran, kemalangan, kerosakan mesin, sistem pemprosesan data atau sambungan transmisi atau kegagalan sistem telekomunikasi, atau sebarang hal di luar kawalan Bank.
- Hak untuk Menolak Selesai Hutang** - Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank boleh pada bila-bila masa atas budi bicaranya melaksanakan hak untuk menolak selesai hutang dengan:
 - menggabungkan atau menyatukan semua akaun perbankan yang dimiliki oleh Pemegang Kad. Ini termasuk akaun atas nama Bank atau dipegang bersama oleh Pemegang Kad dengan pihak lain, di mana akaun bersama tersebut adalah di bawah nama Pemegang Kad (sama ada akaun deposit, akaun pelaburan, pembiayaan atau sebarang bentuk akaun lain dan sama ada tertakluk kepada notis atau dalam apa jua mata wang);
 - memindahkan sebarang jumlah kredit bagi mana-mana akaun tersebut untuk atau demi menjelaskan semua liabiliti Pemegang Kad kepada bank, termasuk dan tidak terhad kepada penjelasan baki debit yang dihutang di bawah Akaun Kad;
 - menggantung dan/atau melarang sebarang pengeluaran daripada akaun deposit atau akaun pelaburan Pemegang Kad yang dikekalkan dengan Bank. Bank hendaklah memberikan notis tujuh (7) hari kalendar kepada Pemegang Kad tentang hasratnya untuk melaksanakan haknya untuk menolak selesai hutang (termasuk memindahkan sebarang baki kredit dalam akaun deposit atau akaun pelaburan untuk membayar baki debit Akaun Kad).
- Alamat** - Sebarang surat atau notis kepada Pemegang Kad hendaklah dihantar menerusi kiriman terus atau dihantar melalui pos berdaftar prabayar ke alamat Pemegang Kad yang dinyatakan dalam borang permohonan Kad atau ke sebarang alamat baru yang dimaklumkan oleh Pemegang Kad kepada Bank dari semasa ke semasa. Sebarang penghantaran melalui pos hendaklah dianggap diterima dengan sewajarnya oleh Pemegang Kad dalam masa lima (5) hari perniagaan selepas diposkan. Kegagalan Pemegang Kad untuk memaklumkan sebarang perubahan alamat yang menyebabkan kelewatan atau pemulangan Penyata Kad, surat dan notis tidak akan menjejaskan hak dan kelayakan Bank di bawah Perjanjian ini.
- Penyerahan Proses Undang-undang** - Pemegang Kad dengan ini bersetuju bahawa penyerahan sebarang Writ Saman atau sebarang proses undang-undang berkaitan dengan apa-apa tuntutan yang timbul atau berhubung dengan Perjanjian ini boleh dilaksanakan dengan mengemukakan satu salinan dokumen tersebut melalui pos berdaftar prabayar dan satu salinan dokumen sama melalui pos biasa ke alamat Pemegang Kad yang dinyatakan dalam borang permohonan Kad atau ke alamat yang dimaklumkan oleh Pemegang Kad kepada Bank dari semasa ke semasa.
- Pelantikan Ejen** - Bank berhak untuk melantik ejen pilihannya untuk mengutip semua dan apa-apa wang yang dihutang dan tertunggak kepada Bank di bawah Akaun Kad dan/atau yang timbul daripada tanggungan/liabiliti Pemegang Kad di bawah Akaun Kad atau Perjanjian ini.
- Akaun Tergantung** - Bank akan menempatkan sebarang bayaran yang diterima menurut Perjanjian ini dalam bahagian kredit akaun tergantung yang tidak dibayar pendapatan, jika perlu. Bank boleh menggunakan bayaran atau mana-mana bahagiannya untuk menjelaskan sebarang wang yang perlu dibayar, dihutang atau ditanggung oleh Pemegang Kad. Bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang tindakan undang-undang yang diambil terhadap Pemegang Kad seperti kebangkrutan atau kemuflian, Bank mungkin bersetuju membuktikan atau bersetuju untuk menerima sebarang dividen atau skim penyusunan bagi keseluruhan atau sebahagian wang yang perlu dibayar, dihutang atau ditanggung oleh Pemegang Kad.
- Sijil Hutang** - Sijil yang ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa Bank yang kini perlu dibayar dan dihutang kepada Bank oleh Pemegang Kad hendaklah menjadi bukti dan keterangan muktamad bahawa jumlah tersebut perlu dibayar dan dihutang oleh Pemegang Kad kepada Bank, selagi tiada kesilapan nyata.
- Kesan Mengikat** - Kewajipan Pemegang Kad hendaklah mengikat waris dan wakil peribadi Pemegang Kad.
- Penggabungan atau Pertukaran Pegangan Saham** - Hak dan kewajipan yang diwujudkan di bawah Perjanjian ini hendaklah terus sah dan mengikat untuk semua tujuan walau apa pun perubahan yang berlaku menerusi penyatuan, penyusunan semula, penggabungan, pengambilalihan atau perubahan pegangan saham sama ada di peringkat syarikat induk atau selainnya yang dibuat di dalam perlembagaan Bank.
- Terjemahan** - Versi Bahasa Melayu perjanjian ini boleh didapati oleh Pemegang Kad di laman web Bank atau atas permintaan.
- Kemaskini** - Pemegang Kad perlu menyemak laman web Bank secara berkala untuk maklumat terkini terma dan syarat kerana sebarang perubahan atau pengemaskinian terma dan syarat yang diterbitkan di laman web Bank adalah mengikat Pemegang Kad.

Untuk sebarang bantuan, Pemegang Kad boleh menghubungi Pusat Hubungan AmBank di nombor di bawah:

Telefon : 03-2178 8888

Talian Keutamaan untuk Pemegang Kad Premium

(Kad Visa Infinite Card/ World Mastercard/ Visa Signature):

Telefon : 03-2178 8888

E-mel : customercare@ambankgroup.com

PERINGATAN: Pemegang Kad adalah diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat Perjanjian ini sebelum menandatangani permohonan ini. Pemegang Kad adalah dinasihatkan untuk mendapatkan khidmat nasihat guaman bebas. Jika Pemegang Kad tidak memahami mana-mana terma dan syarat berkenaan, Pemegang Kad dinasihatkan untuk berbincang dengan mana-mana kakitangan atau wakil sah Bank.

LAMPIRAN 1

(merujuk kepada Fasal 5.1 (a) Perjanjian ini)

JADUAL YURAN DAN CAJ (berkuat kuasa ke atas semua Kad Kredit AmBank Islamic) Kad-i AmBank SIGNATURE Priority Banking, Kad-i AmBank Islamic Visa Infinite, Kad-i AmBank Islamic World Mastercard, Kad-i AmBank Islamic Visa Signature, Kad-i Al-Tasliif (Platinum / Emas) dan Kad-i CARz (Platinum / Emas)															
Perkara	Yuran														
Yuran Tahunan	Jenis Kad	Kad Utama	Kad Tambahan												
	Kad Infinite/World/Signature/Platinum	Percuma Seumur Hidup tanpa syarat	Percuma Seumur Hidup tanpa syarat (untuk 3 Kad Tambahan pertama sahaja; Kad Tambahan ke-4 dan seterusnya adalah RM188)												
	Emas		Percuma Seumur Hidup tanpa syarat (untuk 3 Kad Tambahan pertama sahaja; Kad Tambahan ke-4 dan seterusnya adalah RM75)												
Cukai Perkhidmatan Kad Kredit-i	RM25 bagi setiap Kad setiap tahun (Kad Utama dan Kad Tambahan)														
Pembayaran Bulanan Minimum	i. 5% daripada keseluruhan baki tertunggak* *baki tertunggak merujuk kepada transaksi runcit (jika ada) + Pendahuluan Tunai (jika ada) + Yuran Pengurusan dan lain-lain yuran (jika ada) ii. Cukai dan 100% Cukai Perkhidmatan Kad (jika ada); iii. 100% Ansuran Bulanan (jika ada) (termasuk ansuran bulanan untuk Tukaran Baki Automatik, Pemindahan Baki, QuickCash, Pelan Pembayaran Flexi, Pelan Pembayaran Mudah dan pelan-pelan ansuran lain yang ada dari semasa ke semasa); iv. 100% amaun lewat bayar (jika ada); v. 100% untuk semua amaun yang melebihi had (merujuk kepada amaun yang melebihi Had Kredit yang ditentukan atau Had Kredit yang diberikan), ATAU Minimum RM50, yang mana lebih tinggi.														
Yuran Pengurusan Tetap (YPT) <i>*Perhatian: Caj tidak dikenakan bagi Pendahuluan Tunai dan QuickCash</i>	Dengan Ujrah, YPT bergantung kepada jenis Kad: <table border="1" style="margin-left: 20px; width: 100%;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Jenis Kad</th> <th style="text-align: center;">YPT Bulanan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">Emas</td> <td style="text-align: center;">RM900</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Platinum</td> <td style="text-align: center;">RM3,750</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Visa Signature/World Mastercard/Visa Infinite</td> <td style="text-align: center;">RM15,000</td> </tr> </tbody> </table>			Jenis Kad	YPT Bulanan	Emas	RM900	Platinum	RM3,750	Visa Signature/World Mastercard/Visa Infinite	RM15,000				
Jenis Kad	YPT Bulanan														
Emas	RM900														
Platinum	RM3,750														
Visa Signature/World Mastercard/Visa Infinite	RM15,000														
Yuran Pengurusan Bertingkat*	a) 1.25% sebulan atau 15% setahun sahaja jika anda telah menjelaskan Pembayaran Bulanan Minimum tepat pada masanya untuk 12 bulan berturut-turut; b) 1.42% sebulan atau 17% setahun sahaja jika anda telah menjelaskan Pembayaran Bulanan Minimum tepat pada masanya sekurang-kurangnya 10 bulan dalam kitaran 12 bulan; atau c) 1.5% sebulan atau 18% setahun jika rekod pembayaran anda tidak termasuk dalam (a) atau (b) di atas.														
Tempoh Tanpa Yuran Pengurusan	Dua puluh (20) hari kalendar dari tarikh penyata, dengan syarat tiada baki tertunggak dalam Akaun Kad Kredit (tidak berkenaan bagi Pendahuluan Tunai dan Pindahan Baki atau QuickCash).														
Caj Lewat Bayar	1% daripada baki tertunggak sehingga maksimum RM100. Keterangan: <table border="1" style="margin-left: 20px; width: 100%;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Senario</th> <th style="text-align: center;">1</th> <th style="text-align: center;">2</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">Baki tertunggak</td> <td style="text-align: center;">RM12,000</td> <td style="text-align: center;">RM800</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Caj Lewat Bayar (1% x baki tertunggak)</td> <td style="text-align: center;">RM120</td> <td style="text-align: center;">RM8</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Caj Sebenar (Maksimum)</td> <td style="text-align: center;">RM100</td> <td style="text-align: center;">RM10</td> </tr> </tbody> </table>			Senario	1	2	Baki tertunggak	RM12,000	RM800	Caj Lewat Bayar (1% x baki tertunggak)	RM120	RM8	Caj Sebenar (Maksimum)	RM100	RM10
Senario	1	2													
Baki tertunggak	RM12,000	RM800													
Caj Lewat Bayar (1% x baki tertunggak)	RM120	RM8													
Caj Sebenar (Maksimum)	RM100	RM10													
Yuran Had Lebihan	RM9														
Yuran Pengurusan Pendahuluan Tunai/ QuickCash	Yuran pengurusan pada kadar 1.5% sebulan atau 18% setahun yang dikira atas dasar harian hendaklah dikenakan terhadap Amaun Pendahuluan Tunai dan/atau ansuran bulanan QuickCash dari tarikh Pendahuluan Tunai dibuat dan/atau ansuran bulanan QuickCash dibilkan sehingga bayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad.														
Yuran Pendahuluan Tunai	RM12 untuk setiap transaksi pendahuluan tunai.														
Pindahan Baki (selepas tamat tempoh Yuran Pengurusan Khas)	Yuran pengurusan ke atas transaksi pindahan baki mengikut Yuran Pengurusan Bertingkat yang dikira atas baki harian dari tarikh tamat Tempoh Yuran Pengurusan Khas, dan akan dikenakan sehingga bayaran penuh diterima dan dikredit ke dalam Akaun Kad.														
Yuran Penggantian Kad	RM25 setiap kad														
Yuran Permintaan Salinan Penyata Kad	RM5 setiap salinan (permintaan pertama) RM10 setiap salinan (permintaan seterusnya bagi penyata bulanan yang sama)														
Yuran Penyata Bulanan	Penyata salinan kertas yang dihantar ke alamat surat-menyurat: RM12 setahun e-Penyata: PERCUMA														
Yuran Tukaran Urus Niaga Luar Negara	Urus niaga di luar Malaysia akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada tarikh barangan diterima dan/atau diproses. Kadar tukaran mungkin berbeza daripada kadar harian yang disiarkan disebabkan turun naik pasaran. Kadar tukaran adalah seperti yang ditentukan oleh Mastercard International dan Visa International ditambah tokon tukaran asing 1% (dahulu dikenali sebagai kos pentadbiran) oleh Bank atas jumlah Ringgit Malaysia yang ditukarkan.														

Perhatian: Menurut Fasal 5.1 (a) Perjanjian ini, kandungan Jadual ini adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dan sebarang perubahan akan dimaklumkan kepada Pemegang Kad. Maklumat yang disediakan dalam perjanjian ini sah pada Disember 2024, untuk pindaan terkini, sila layari ambank.com.my

LAMPIRAN 2

(merujuk kepada Fasal 6(a) Perjanjian ini)

1. **Ganjaran AmBonus (sah untuk Kad dengan Mata AmBonus sahaja)**
- (a) Untuk setiap RM1 yang dicajkan kepada Kad untuk pembelian runcit baru, satu (1) Mata AmBonus akan diberikan kepada Pemegang Kad. Penjejakan transaksi runcit adalah berdasarkan tarikh transaksi dipos pada penyata Pemegang Kad (Waktu Malaysia) dan Bank tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun untuk sebarang pengeposan lewat ke akaun Kad Kredit Pemegang Kad oleh saudagar dan/atau mana-mana pihak ketiga. Sebarang pengeposan lewat akan menyebabkan Mata AmBonus dikira pada kitaran penyata seterusnya.
 - (b) Mata AmBonus diberikan untuk perbelanjaan runcit sahaja. Yuran pengurusan, yuran pendahuluan tunai, pindahan baki, tunai kuasi dan caj lain yang dikenakan oleh Bank dan baki tertunggak yang dibawa ke hadapan dari bulan sebelumnya dikecualikan daripada pengiraan Mata AmBonus. Mata AmBonus tidak diberikan bagi urusan niaga yang berikut:
 - I. transaksi yang dibuat menggunakan jumlah Prabayar. Untuk mengelakkan keraguan, Prabayaran adalah jumlah yang dibayar oleh Pemegang Kad melebihi jumlah baki tertunggak;
 - II. sebarang pembelian di stesen minyak;
 - III. sebarang pembayaran untuk kebajikan di bawah Kod Kategori Pedagang (MCC) 8398; dan
 - IV. sebarang pembayaran yang berkaitan dengan kerajaan di bawah MCC yang ditetapkan:- 9211, 9222, 9223, 9311, 9399, 9402, 9405, dan
 - V. transaksi Jompay.
 - (c) Pemegang Kad berhak mendapat Mata AmBonus untuk pembelian barangan dan perkhidmatan runcit yang dibuat dengan Kad Kredit untuk tujuan penggunaan peribadi sahaja dan bukan untuk tujuan perniagaan/komersial ("Kategori Dibenarkan"). Bank akan menganugerahkan Mata AmBonus hanya apabila Bank menganggap pembelian termasuk dalam Kategori Dibenarkan ini.
 - (d) Mata AmBonus yang diperolehi oleh Pemegang Kad untuk bulan semasa Penyata Kad tidak akan diberikan kepada Pemegang Kad jika Pemegang Kad gagal membuat pembayaran minimum yang perlu dibayar pada tarikh akhir pembayaran yang dinyatakan dalam Penyata Kad bulan sebelumnya.
 - (e) Mata AmBonus yang diperolehi menggunakan Kad Tambahan dikira secara berasingan. Mata AmBonus yang diperolehi akan dipaparkan dalam Penyata Kad.
 - (f) Kadar Mata AmBonus yang berbeza akan dikenakan keatas program kad terpilih pada kadar tertentu yang mungkin ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa, dengan notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar.
 - (g) Sekiranya Bank berpendapat bahawa Pemegang Kad tidak berhak mendapat Mata AmBonus seperti yang dinyatakan dalam Klausa 1(b), 1(c) dan 1(d), Bank berhak untuk membalikkan peruntukan mana-mana Mata AmBonus. Pembalikan Mata AmBonus juga termasuk mana-mana Mata AmBonus yang diberikan sebelum ini. Jika Bank mengesyaki atau menyedari bahawa mana-mana transaksi tersebut tidak termasuk dalam Kategori Dibenarkan, keputusan Bank akan menjadi muktamad dan konklusif.
 - (h) Sekiranya Mata AmBonus digunakan sebelum pembalikan, Bank berhak untuk mendebitkan wang tersebut daripada Akaun Kad.
 - (i) Mata AmBonus yang terkumpul mempunyai tempoh sah tiga (3) tahun berasaskan blok tahunan dan atas dasar masuk dahulu dan keluar dahulu seperti yang dipaparkan dalam Penyata Kad. Sebarang Mata AmBonus tidak digunakan atau ditebus akan dibatalkan secara automatik selepas tempoh sah.
 - (j) Selepas Kad dibatalkan, sama ada oleh Bank atau oleh Pemegang Kad, Mata AmBonus yang belum digunakan akan dibatalkan dan tidak boleh ditebus oleh Pemegang Kad.
 - (k) Penebusan Mata AmBonus boleh dibuat oleh Pemegang Kad menerusi borang penebusan yang disediakan oleh Bank di www.ambank.com.my atau dengan menghubungi Pusat Hubungan AmBank. Selain itu, penebusan serta-merta boleh dibuat di mana-mana Pedagang yang turut serta.